

DATE: 10/3/2008

Bakal Menteri Besar Selangor menghadap sultan hari ini

UM - 10/3/2008

KUALA LUMPUR 9 Mac - Bakal Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim akan menghadap dan memohon perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam Shah, Klang petang esok bagi membentuk kerajaan negeri.

Menurut Abdul Khalid, selain menghadap Sultan Selangor pada pukul 2 petang itu, beliau juga akan bertemu dengan setiausaha kerajaan negeri bagi mengambil alih tugas pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri.

Beliau turut memberi jaminan untuk mengambil alih tugas pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri dengan tertib dan teratur.

"Kepimpinan tertinggi parti-parti yang bertanding di Selangor bersetuju untuk bersatu dalam satu pakatan bagi menubuhkan kerajaan negeri. Mereka juga bersetuju untuk memilih saya mengetuai pakatan tersebut.

"Pada peringkat pertama, pejabat Sultan Selangor sudah memberi persetujuan supaya saya hadir untuk menghadap tuanku di Istana kediamannya pada pukul 2 petang esok.

"Peringkat kedua pula, saya akan menghadap tuanku sekali lagi untuk menyerahkan senarai nama calon barisan Exco kerajaan negeri serta nama calon Timbalan Menteri Besar negeri ini," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau memenangi Parlimen Bandar Tun Razak dan Dewan Undangan Negeri Ijok pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 menyaksikan calon-calon dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti DAP dan Pas memenangi 36 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang dipertandingkan.

PKR memenangi 15 kerusi, DAP pula sebanyak 13 dan Pas sebanyak 8 kerusi.

Ketika ditanya mengenai perancangan pertamanya untuk mentadbir negeri Selangor, beliau berkata, pihaknya akan menentukan corak pentadbiran Selangor melalui identiti tersendiri selain membawa satu era baru kepada rakyat.

Malah, jelasnya, beliau akan memastikan setiap rakyat di negeri ini dapat menikmati limpahan kemajuan negara selaras dengan misi Selangor untuk menjadi negeri maju.

"Rakyat boleh menguji kepimpinan kami selepas suku pertama tahun ini bagi melihat kemajuan yang boleh dicapai. Dalam sektor korporat, seseorang akan dinilai selepas 100 hari perkhidmatan mereka," ujarnya.

Abdul Khalid turut memberi jaminan kerajaan baru Selangor akan kekal di bawah pemerintahan parti pembangkang selagi mereka dapat memberi perkhidmatan terbaik.